

GLASS INSURANCE

Policy Wording

The benefit(s) payable under this eligible policy is protected by PIDM up to limits. Please refer to PIDM's TIPS Brochure or contact RHB Insurance Berhad or PIDM (visit www.pidm.gov.my).

Member of PIDM.



TABLE OF CONTENTS

GLASS INSURANCE POLICY	3
EXCEPTION	3
CONDITIONS	4
WARRANTIES /CLAUSES/	6
NOTICE TO POLICYHOLDERS.....	7
HOW TO LODGE A COMPLAINT?.....	8

GLASS INSURANCE POLICY

WHEREAS the Insured named and described in the Schedule hereto has applied to RHB INSURANCE BERHAD (hereinafter referred to as "the Company") by a written proposal and declaration which shall be the basis of this contract and is deemed to be incorporated herein and has paid or agreed to pay the Premium stated in the aforesaid Schedule as consideration for such insurance hereinafter provided.

NOW THIS POLICY WITNESSETH that during the Period of Insurance or during any further period for which the Company may accept payment for the renewal of this Policy and subject to the Terms Exceptions Provisions Limits and Conditions contained herein or endorsed hereon or otherwise expressed hereon (hereinafter collectively referred to as the Terms of this Policy) provided any of the glass situated at the premises as described in the Schedule shall be broken, the Company shall:-

- 1) replace such broken glass with glass of similar manufacture or quality or at the option of the Company pay to the Insured an amount equivalent to the cost of such replacement or the sum insured should such be stated in the Schedule
- 2) pay the cost necessarily incurred in boarding up the aperture caused by such breakage for which the Company is liable hereunder.

PROVIDED that the word "breakage" shall not include any disfiguration or damage other than fracture extending through the entire thickness of the glass.

EXCEPTIONS

This Policy does not cover: -

- (a) breakage or damage of glass due to dilapidation of frames or framework.
- (b) breakage of or damage to frames or framework of any description
- (c) the cost of removal or replacement of any fittings or fixtures or other obstructions.
- (d) breakage of glass in conservatories greenhouse or outbuildings
- (e) breakages arising during removal or alterations to premises.
- (f) cracked or imperfect glass unless specially declared as such and specially included in the Schedule.
- (g) damage to or breakage of writing, painting, ornamentation or alarm tapes unaccompanied by the breakage of glass even when such items are specifically included in the Schedule
- (h) glass which have already been broken or damaged at the commencement of this insurance.
- (i) breakage or damage happening while the Premises are occupied for any purpose other than the Business or while the Premises are untenanted
- (j) any consequential loss
- (k) any consequence of fire, explosion, lightning subterranean fire, earthquake, storm, tempest, hurricane, cyclone, tornado, windstorm, flood, volcanic eruption or natural hazard of any kind
- (l) any loss or damage occasioned by or through or in consequence directly or indirectly caused by any of the following occurrences, namely:-

- i) war, invasion, act of foreign enemy, hostilities or warlike operations (whether war be declared or not), civil war;
- ii) mutiny, riot, strike, civil commotion, military or popular rising, insurrection, rebellion, revolution, military or usurped power;
- iii) any act of terrorism

For this purpose an act of terrorism means an act including but not limited to the use of force or violence and/or the threat thereof, of any person or group(s) of persons, whether acting alone or on behalf of or in connection with any organization(s) or government(s), committed for political, religious, ideological or similar purposes including the intention to influence any government and/or to put the public, or any section of the public, in fear;

- iv) martial law or state of siege or any of the events or causes which determine the proclamation or maintenance of martial law or state of siege;
- v) delay, seizure, confiscation, commandeering, requisition, compulsory sale (whether under Statute or otherwise) detention, nationalization or destruction of or damage to property by or under the order of any government de jure or de facto, public or local authority

Any loss or damage happening during the existence of abnormal conditions (whether physical or otherwise) which are occasioned by or through or in consequence, directly or indirectly, of any of the said occurrences shall be deemed to be loss or damage which is not covered by this insurance, except to the extent that the Insured shall prove that such loss or damage happened independently of the existence of such abnormal conditions.

In any action, suit or other proceeding where the Company alleges that by reason of the provisions of this exception any loss or damage is not covered by this insurance, the burden of proving that such loss or damage is covered shall be upon the Insured.

- m) interruption or delay or loss of business or damage of any kind occurring during the time intervening between the occurrence of a breakage and a replacement of the glass

- (n) loss or destruction of or damage to any property whatsoever or any loss or expense resulting or arising therefrom or any consequential loss directly or indirectly caused by or contributed to by or arising from:-
 - i) ionizing radiation or contamination by radioactivity from any nuclear fuel or from nuclear waste from the combustion of nuclear fuel. For the purpose of this exception combustion shall include any self-sustaining process of nuclear fission.
 - ii) nuclear weapons material
- (o) loss destruction or damage directly occasioned by pressure waves caused by aircraft or other aerial devices travelling at sonic or super-sonic speeds.
- (p) the excess being the first amount of Ringgit Malaysian as specified in the Schedule in respect of each and every loss.

CONDITIONS

1. MEANING

This Policy and Schedule shall be read together as one contract and any word or expression to which a specific meaning has been attached in any part of this Policy or Schedule shall bear such specific meaning wherever it may appear.

2. CONDITIONS PRECEDENT TO LIABILITY

The due observance and fulfillment of the terms, conditions and endorsements of this Policy in so far as they relate to anything to be done or complied with by the Insured and the truth of the statements and answers in the said proposal shall be conditions precedent to any liability of the Company to make any payment under this Policy.

3. CHANGES IN RISKS

No claim shall be recoverable hereunder if the Premises shall become empty or disused or if any change shall be made in the Premises or Occupation or in the conditions of the risks as existing at the time of acceptance unless in any such cases the written consent of the Company hereto be first obtained.

4. CLAIMS PROCEDURE

Upon the happening of any breakage giving rise or likely to give rise to a claim under this Policy the Insured shall:-

- (a) give immediate notice thereof in writing to the Company and unless such notice shall be received by the Company within fourteen (14) days of the happening of such breakage the Company shall be under no liability in connection therewith
- (b) deliver to the Company within thirty (30) days from the date upon which the breakage came to his notice, such information as the Company may require concerning the breakage

5. OTHER INSURANCE

If at the time of any loss or damage happening to any property hereby insured, there be any other subsisting insurance or insurances, whether effected by the Insured or by any other person or persons, covering the same property, this Company shall not be liable to pay or contribute more than its rateable proportion of such loss or damage.

6. SALVAGE

In the event of breakage for which the Company is liable the broken glass shall become the absolute property of the Company as salvage and the Insured shall take all precautions to prevent further breakage or loss arising to such salvage and shall allow the representatives of the Company to have immediate access thereto and to remove the same or do such other things as may be necessary for the preservation thereof.

7. DIMINUTION IN SUMS INSURED

Immediately upon the happening of any loss or damage to the property insured as described in the Schedule of this Policy the Total Sum Insured and the Sum Insured upon the various descriptions of property which have broken and such reduced Sum Insured shall be the limits of the Company's liability in respect of any further losses or damage occurring during the current Period of Insurance unless the Company consent upon payment of additional premium to reinstate the full Sum Insured. In consideration of the Insured undertaking to pay an additional premium at the agreed rate on the amount of loss calculated on a pro-rata basis from the date of such loss to the expiry of the current period of insurance, it is agreed that in the event of loss the Insurance hereunder shall maintain in force for the full sum insured.

8. SUBROGATION

The Company may at its own expense may proceed against any person or persons in the name of the Insured to recover compensation for the loss sustained by such breakage and the Insured shall give all reasonable assistance as the Company may require.

9. CONTRIBUTION

If at the time of any breakage or damage there be any other insurance effected by or on behalf of the Insured covering any of the Glass or any other property which may be insured hereunder, the Company shall not be liable for more than its rateable proportion thereof.

10. CANCELLATION

The Company may at any time by giving fourteen (14) days' notice in writing to the Insured at his last known address as known to the Company terminate this Policy as from the expiration of such fourteen (14) days provided that the Company shall in that event return to the Insured a proportionate part of the premium for the unexpired period of Insurance or the Policy may be cancelled at any time by the Insured and the Insured shall be entitled to a return of premium less premium at the Company's customary short period rates for the period of the Policy has been in force subject to minimum premium of RM50/-.

11. ARBITRATION

If any difference arises as to the amount of loss such difference shall independently of all other question be referred to the decision of an Arbitrator to be appointed in writing by the parties in difference, or, if they cannot agree upon a single Arbitrator, to the decision of two disinterested persons as Arbitrators, of whom one shall be appointed in writing by each of the parties within two calendar months after having been required so to do in writing by the other party. In case either party shall refuse or fail to appoint an Arbitrator within two calendar months after receipt of notice in writing requiring an appointment, the other party shall be at liberty to appoint a sole Arbitrator, and in case of disagreement between the Arbitrators, the difference shall be referred to the decision of an Umpire who shall have been appointed by them in writing before entering on the reference and who shall sit with the Arbitrators and preside at their Meeting. The death of any party shall not revoke or affect the authority or powers of the Arbitrator, or Arbitrators or Umpire respectively, and in the event of the death of an Arbitrator or Umpire, another shall in each case be appointed in his stead by the party or Arbitrators (as the case may be) by whom the Arbitrator or Umpire so dying was appointed. The cost of the reference and of the award shall be at the discretion of the Arbitrator, Arbitrators or Umpire making the award. And it is hereby expressly stipulated and declared that it shall be a condition precedent to any right of action or suit upon this Policy that the award by such Arbitrator, Arbitrators or Umpire of the amount of the loss if disputed shall be first obtained. If the Company shall disclaim liability for any claim hereunder and such claim shall not within twelve (12) calendar months from the date of such disclaimer have been referred to arbitration under the provisions herein contained then the claim shall for all purposes be deemed to have been abandoned and shall not thereafter be recoverable hereunder.

12. MARKET VALUE

It is hereby agreed that in the event of a loss to the property insured herein, the limit of indemnity shall be the insured value or market value of the insured property, whichever is the lower, subject to deductions of any excess and amounts which the Insured is required to bear under the Policy .

For the purpose of this condition, the term market value shall mean the value of the property insured herein at the time of damage or loss less due allowance for betterment, wear and tear and/or depreciation.

In the event of a dispute, the market value of the insured property shall for the purposes of this condition be determined by a valuation obtained by the Company from the manufacturer, authorized sole agent or agent, authorized broker or authorized distributor of the cost of replacement or reinstatement of the insured property damaged or lost as it was at the time of the occurrence of such loss or damage.

In the event that there is, at the time of damage or loss, no manufacturer, authorized sole agent or agent, authorized broker or authorized distributor for the insured property, the valuation shall be obtained from a Loss Adjuster licensed under the Insurance Act, 1996 and to be mutually appointed by both parties.

The valuation of the insured property by the manufacturer, authorized sole agent or agent, authorized broker or authorized distributor or Loss Adjuster licensed under the Insurance Act, 1996 shall be conclusive evidence in respect of the market value of the insured property in any legal proceedings against the Company.

13. FRAUD

If the proposal or declaration of the Insured is untrue in any respect or if any material fact affecting the risk be incorrectly stated therein or omitted therefrom or if this Insurance or any renewal thereof shall have been obtained through any misstatement misrepresentation or suppression or if any claim under this Policy shall be in any respect fraudulent or if any fraudulent means or devices are used by the Insured or anyone acting on his behalf to obtain any benefit under this Policy, all benefits under this Policy shall be forfeited.

WARRANTIES/CLAUSES

(This Policy is subject to the following warranty and clauses).

PWE PREMIUM WARRANTY

It is a fundamental and absolute special condition of this contract of insurance that the premium due must be paid and received by the Company within sixty (60) days from the inception date of this Policy/Endorsement/Renewal Certificate.

If this condition is not complied with then this contract is automatically cancelled and the Company shall be entitled to the pro-rata premium for the period they have been on risk.

Where the premium payable pursuant to this Warranty is received by an authorized agent of the Company, the payment shall be deemed to be received by the Company for the purposes of this Warranty and the onus of proving that the premium payable was received by a person, including an insurance agent, who was not authorized to receive such premium shall lie on the Company.

Subject otherwise to the terms, exceptions and conditions of this Policy.

Y2KE DATE RECOGNITION CLAUSE (WITHOUT SAVINGS CLAUSE)

It is noted and agreed this policy is hereby amended as follows:-

- A. The Company shall not pay for any loss or damage including loss of use with or without physical damage or any consequential loss directly or indirectly caused by, consisting of, or arising from, the failure or inability of any computer, data processing equipment, media microchip, operating systems, microprocessors (computer chip), integrated circuit or similar device, or any computer software, whether the property of the Insured or not, and whether occurring before, during or after the year 2000 that results from the failure or inability of such device and/or software as listed above to:-
 1. correctly recognize any date as its true calendar date;
 2. capture, save, or retain, and/or correctly manipulate, interpret or process any data or information or command or instruction as a result of treating any date other than as its true calendar date; and/or
 3. capture, save, retain or correctly process any data as a result of the operation of any command which has been programmed into any computer software, being a command which causes the loss of data or the inability to capture, save, retain or correctly process such data on or after any date.
- B. It is further understood that the Company shall not pay for the repair or modification of any part of any electronic data processing system or any part of any device and/or software as listed above in A.
- C. It is further understood that the Company shall not pay for any loss or damage including loss of use with or without physical damage or any consequential loss directly or indirectly arising from any advice, consultation, design, evaluation, inspection, installation, maintenance, repair or supervision done by the Insured or for the Insured or by or for others to determine, rectify or test, any potential or actual failure, malfunction or inadequacy described in A above.
- D. It is further understood that the Company shall not pay for any consequential loss resulting from any continuing inability of the computer and equipment described in A above to correctly recognize any date as its true calendar date after the lost or damaged property has been replaced or repaired.

Such loss or damage or any consequential loss referred to in A, B, C or D above, is excluded regardless of any other cause that contributed concurrently or in any other sequence to the same.

Subject otherwise to the terms, exceptions and conditions of this Policy.

ITH INFORMATION TECHNOLOGY HAZARDS CLARIFICATION CLAUSE NMA 2912

Losses arising directly or indirectly, out of :

- i) loss of, alteration of, or damage to or
- ii) a reduction in the functionality, availability or operation of a computer system, hardware, programme, software, data, information repository, microchip, integrated circuit or similar device in computer equipment or non-computer equipment, whether the property of the Insured or not, do not in and of themselves constitute one event unless arising out of one or more of the following perils :

fire, lightning, explosion, aircraft or vehicle Impact, falling objects, windstorm, hail, tornado, cyclone, hurricane, earthquake, volcano, tsunami, flood, freeze of weight of snow.

NOTICE TO POLICYHOLDERS

Please examine the insurance **Policy** to ensure that it meets **Your** requirement.

To avoid misunderstanding, it is very important that the **Policy**, the **Schedule** and any endorsements attached therein be read thoroughly.

If You have any complaints or grievances pertaining to **Your Policy**, please contact **Your** agent, if any or get in touch with **Our** issuing office. **We** assure **You** that **Your** complaints will be attended to promptly.

For all intents and purposes where there is a conflict or ambiguity as to the meaning in the Bahasa Malaysia provisions of any part of the Contract, it is hereby agreed that the English version of the Contract shall prevail.

As a responsible Insurer, **We** wish to bring **Your** attention that **You** could also address Your dissatisfaction to Ombudsman for Financial Services (OFS) or to Bank Negara Malaysia Customer Service Bureau (CSB) as listed below.

HOW TO LODGE A COMPLAINT?

If **You** are unhappy with any aspect of **Our** service, **We** would like to hear from **You**. **You** can make **Your** complaint in whatever form is most convenient to **You** either via a phone call to **Our** receptionist or alternatively, by writing, faxing or e-mailing **Your** complaint to:

RHB INSURANCE BERHAD CUSTOMER RELATIONSHIP CENTRE

Level 1, Tower Three, RHB Centre, Jalan Tun Razak,
50400 Kuala Lumpur
Tel: 1300 22 0007/ Fax: 603-21637277
E-mail: rhbi.general@rhbgroup.com WhatsApp: 012-603 1978

We will seek to respond to **Your** complaint within [14] days. If **We** cannot resolve the matter within the aforesaid time frame when a matter is complex, **You** will be informed of the progress made with **Your** complaint.

It will help us to respond promptly if **You** give the following details:

- (a) **Your** name, address and contact no.
- (b) Covernote no./ Policy no./ Claim no.

If after taking these steps, **You** are still dissatisfied, **You** may write to:

THE COMPLAINTS MANAGEMENT UNIT

Ombudsman for Financial Services (OFS)
Level 14, Main Block
Menara Takaful Malaysia
No. 4, Jalan Sultan Sulaiman
50000 Kuala Lumpur
Tel: 03-2272 2811
Website : www.ofs.org.my

If the Mediator makes an award against **Us**, **You** are required to inform the Mediator of **Your** decision to accept or deny the award within fourteen (14) days.

If **You** do not accept the award, **You** may reject the decision of the Mediator. **You** are free to institute a court proceeding against **Us** or refer it to Arbitration.

Alternatively, **You** may put forward **Your** dissatisfaction over **Our** conduct by writing to CSB giving details of **Your** complaint and particulars of **Your** policy to:

BNMTELELINK

Corporate Communications Department
Bank Negara Malaysia
P.O. Box 10922
50929 Kuala Lumpur
Tel: 1300-88-5465 (LINK)
Fax: 03-2174 1515
E-mail : bnmtelelink@bnm.gov.my

HEAD OFFICE	CUSTOMER RELATIONSHIP CENTRE
Level 12, West Wing, The Icon, No.1, Jalan 1/68F, Jalan Tun Razak, 55000 Kuala Lumpur Tel : 03-2180 3000 Fax : 03-9281 2729 Website: insurance.rhbgroup.com	Level 1, Tower Three, RHB Centre, Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur Tel : 1300-220-007 Fax : 03-2163 7277 WhatsApp: 012-6031978 Email : rhbi.general@rhbgroup.com

INSURANS KACA

Dasar Polisi

Manfaat yang perlu dibayar di bawah sijil/polisi/produk yang layak dilindungi oleh PIDM sehingga had. Sila rujuk Risalah TIPS PIDM atau hubungi RHB Insurance Berhad atau PIDM (lawati www.pidm.gov.my). Ahli PIDM.



ISI KANDUNGAN

POLISI INSURANS KACA	3
PENGECUALIAN	3
SYARAT-SYARAT	4
KLAUSA/PENGENDORSAN.....	6
NOTIS KEPADA PEMEGANG POLISI	7
BAGAIMANA MEMBUAT ADUAN?.....	7

POLISI INSURANS KACA

BAHAWASANYA Pemegang Polisi yang dinamakan dan diterangkan dalam Jadual telah membuat permohonan bertulis kepada RHB INSURANCE BERHAD (selepas ini dirujuk sebagai "Syarikat") beserta dengan perisytiharan bertulis, yang menjadi asas kepada kontrak ini dan dianggap sebagai sebahagian daripadanya. Pemegang Polisi telah membayar atau bersetuju untuk membayar Premium seperti yang dinyatakan dalam Jadual sebagai balasan bagi perlindungan insurans yang diberikan di bawah polisi ini.

MAKA DENGAN INI, POLISI INI MENYAKSIKAN bahawa sepanjang Tempoh Insurans atau mana-mana tempoh lanjutan yang diterima oleh Syarikat bagi pembaharuan polisi ini, dan tertakluk kepada Terma, Pengecualian, Peruntukan, Had, dan Syarat yang terkandung atau dinyatakan dalam polisi ini (selepas ini dirujuk secara kolektif sebagai "Terma Polisi"), sekiranya mana-mana kaca yang terletak di premis seperti yang dinyatakan dalam Jadual mengalami kerosakan akibat pecah, maka Syarikat akan: -

- 1) Mengganti kaca yang pecah dengan kaca yang sama jenis atau berkualiti setara, atau sebagai pilihan, membayar kepada Pemegang Polisi jumlah yang bersamaan dengan kos penggantian tersebut atau jumlah yang diinsuranskan jika dinyatakan dalam Jadual.
- 2) Membayar kos yang perlu untuk menutup sementara lubang yang disebabkan oleh pecahan kaca tersebut sekiranya Syarikat bertanggungjawab terhadap kerosakan tersebut.

DENGAN SYARAT bahawa perkataan "pecah" tidak termasuk sebarang kecacatan atau kerosakan lain selain daripada retakan yang menembusi keseluruhan ketebalan kaca.

PENGECUALIAN

Polisi ini tidak melindungi: -

- (a) Kerosakan atau pecahnya kaca akibat kerosakan atau kemerosotan bingkai atau rangka.
- (b) Pecah atau kerosakan pada bingkai atau rangka kaca dalam apa jua bentuk.
- (c) Kos penyingkiran atau penggantian sebarang kelengkapan, pemasangan, atau halangan lain.
- (d) Pecah kaca di rumah hijau, rumah kaca, atau bangunan tambahan.
- (e) Pecah kaca yang berlaku semasa pemindahan atau pengubahsuaian premis.
- (f) Kaca yang telah retak atau cacat, kecuali jika dinyatakan secara khusus dalam Jadual Polisi.
- (g) Kerosakan pada tulisan, lukisan, hiasan, atau pita penggera jika tidak disertai dengan pecahnya kaca, walaupun item tersebut dinyatakan dalam Jadual Polisi.
- (h) Kaca yang telah pecah atau rosak sebelum permulaan insurans ini.
- (i) Pecah atau kerosakan kaca yang berlaku ketika premis digunakan untuk tujuan selain daripada perniagaan atau ketika premis tidak berpenghuni.
- (j) Sebarang kerugian akibat langsung atau tidak langsung.
- (k) Kerosakan atau kehilangan akibat kebakaran, letupan, kilat, kebakaran bawah tanah, gempa bumi, ribut, angin kencang, taufan, siklon, puting beliung, banjir, letusan gunung berapi, atau sebarang bencana alam.
- (l) Sebarang kerosakan atau kehilangan akibat secara langsung atau tidak langsung daripada:-
 - i) Perang, pencerobohan, tindakan musuh asing, permusuhan atau operasi perang (sama ada perang diisytiharkan atau tidak), perang saudara;
 - ii) Pemberontakan, rusuhan, mogok, kekacauan awam, kebangkitan tentera atau rakyat, pemberontakan, revolusi, rampasan kuasa tentera atau kuasa yang dirampas;
 - iii) Sebarang tindakan keganasan.
Bagi tujuan ini, tindakan keganasan bermaksud apa-apa tindakan termasuk, tetapi tidak terhad kepada, penggunaan kekerasan atau keganasan dan/atau ancaman mengenainya oleh mana-mana individu atau kumpulan individu, sama ada bertindak secara bersendirian atau bagi pihak atau mempunyai kaitan dengan mana-mana organisasi atau kerajaan, yang dilakukan untuk tujuan politik, keagamaan, ideologi, atau seumpamanya termasuk niat untuk mempengaruhi mana-mana kerajaan dan/atau menimbulkan ketakutan dalam kalangan orang awam atau mana-mana bahagian masyarakat;
 - iv) Undang-undang tentera atau keadaan darurat serta sebarang peristiwa atau sebab yang membawa kepada pengisytiharan atau pelaksanaan undang-undang tentera atau keadaan darurat;
 - v) Kelewatan, rampasan, penyiataan, perintah tahanan, perampasan, penjualan wajib (sama ada di bawah undang-undang atau sebaliknya), penahanan, nasionalisasi, atau kemusnahan harta benda akibat perintah mana-mana kerajaan (sama ada sah atau tidak), pihak berkuasa awam atau tempatan.

Sebarang kehilangan atau kerosakan yang berlaku semasa kewujudan keadaan luar biasa (sama ada fizikal atau sebaliknya) yang timbul secara langsung atau tidak langsung daripada mana-mana kejadian yang dinyatakan di atas tidak akan dilindungi oleh polisi ini, kecuali jika Pemegang Polisi dapat membuktikan bahawa kerosakan atau kehilangan tersebut berlaku secara bebas tanpa kaitan dengan keadaan luar biasa tersebut.

Dalam mana-mana tuntutan, tindakan undang-undang, atau prosiding lain di mana Syarikat mendakwa bahawa sebarang kehilangan atau kerosakan tidak dilindungi berdasarkan pengecualian ini, tanggungjawab untuk membuktikan bahawa kehilangan atau kerosakan tersebut dilindungi adalah terletak pada Pemegang Polisi.

- (m) Gangguan, kelewatan, atau kehilangan perniagaan serta sebarang bentuk kerosakan yang berlaku dalam tempoh antara kejadian pecah kaca dan penggantian kaca tersebut.
- (n) Kehilangan, kemusnahan, atau kerosakan kepada mana-mana harta benda, serta sebarang kerugian atau perbelanjaan yang timbul daripadanya, atau sebarang kerugian berbangkit yang berlaku secara langsung atau tidak langsung akibat daripada: -
 - i) Radiasi pengion atau pencemaran radioaktif daripada mana-mana bahan api nuklear atau sisa nuklear yang terhasil daripada pembakaran bahan api nuklear. Untuk tujuan pengecualian ini, pembakaran termasuk sebarang proses pembelahan nuklear yang berlaku secara berterusan dengan sendirinya.
 - ii) Bahan senjata nuklear
- (o) Kehilangan, kemusnahan, atau kerosakan yang berlaku secara langsung akibat gelombang tekanan yang disebabkan oleh kapal terbang atau alat udara lain yang bergerak pada kelajuan bunyi atau supersonik.
- (p) Amaun lebihan (excess) iaitu jumlah pertama dalam Ringgit Malaysia seperti yang dinyatakan dalam Jadual, yang perlu ditanggung oleh Pemegang Polisi bagi setiap tuntutan kerugian.

SYARAT-SYARAT

1. TAKRIFAN

Polisi ini dan Jadual Polisi hendaklah dibaca sebagai satu kontrak. Sebarang perkataan atau istilah yang mempunyai makna khusus dalam mana-mana bahagian Polisi atau Jadual ini akan membawa makna yang sama di mana sahaja ia digunakan.

2. SYARAT ASAS KEPADA TANGGUNGAN

Pemegang Polisi mesti mematuhi dan memenuhi semua terma, syarat, dan pengendorsan yang dinyatakan dalam Polisi ini, serta memastikan semua kenyataan dan jawapan yang diberikan dalam borang cadangan adalah benar. Kegagalan untuk mematuhi syarat-syarat ini boleh menyebabkan syarikat tidak bertanggungjawab untuk sebarang pembayaran tuntutan.

3. PERUBAHAN RISIKO

Tiada tuntutan boleh dibuat di bawah Polisi ini sekiranya premis menjadi kosong atau tidak digunakan, atau jika terdapat sebarang perubahan pada premis, jenis penggunaan, atau syarat risiko seperti yang ditetapkan semasa permulaan polisi, kecuali jika pemegang polisi telah memperoleh persetujuan bertulis daripada Syarikat terlebih dahulu.

4. PROSEDUR TUNTUTAN

Sekiranya berlaku pecah kaca yang boleh mengakibatkan tuntutan di bawah Polisi ini, Pemegang Polisi hendaklah: -

- (a) Segera memberi notis bertulis kepada Syarikat. Jika Syarikat tidak menerima notis dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh kejadian, Syarikat tidak akan bertanggungjawab atas tuntutan tersebut.
- (b) Mengemukakan maklumat lengkap yang diperlukan oleh Syarikat mengenai kejadian pecah kaca dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh Pemegang Polisi menyedari kejadian tersebut.

5. INSURANS LAIN

Sekiranya pada masa berlakunya kehilangan atau kerosakan ke atas mana-mana harta yang dilindungi oleh polisi ini terdapat insurans lain yang masih berkuat kuasa, sama ada diambil oleh Pemegang Polisi atau mana-mana pihak lain, Syarikat tidak akan membayar lebih daripada bahagian yang sepadan dengan jumlah perlindungan insurans tersebut.

6. BARANG PULIHAN

Sekiranya berlaku pecah kaca di mana Syarikat bertanggungjawab, kaca yang pecah akan menjadi hak milik mutlak Syarikat sebagai barang pulihan. Pemegang Polisi hendaklah mengambil semua langkah berjaga-jaga bagi mengelakkan kerosakan atau kehilangan lanjut ke atas barang pulihan tersebut serta membenarkan wakil Syarikat untuk mendapatkan akses segera, mengalihkan, atau mengambil tindakan yang diperlukan bagi pemuliharaannya.

7. PENGURANGAN JUMLAH YANG DIINSURANSKAN

Sebaik sahaja berlaku kehilangan atau kerosakan pada harta yang diinsuranskan seperti yang dinyatakan dalam Jadual Polisi, jumlah keseluruhan insurans serta jumlah insurans bagi harta yang telah rosak akan dikurangkan. Jumlah insurans yang dikurangkan ini akan

menjadi had tanggungan Syarikat bagi sebarang kerugian atau kerosakan selanjutnya sepanjang tempoh insurans semasa, kecuali jika Pemegang Polisi membayar premium tambahan yang dipersetujui untuk mengembalikan jumlah insurans penuh. Dengan persetujuan Pemegang Polisi untuk membayar premium tambahan pada kadar yang ditetapkan secara prorata dari tarikh kehilangan sehingga tamat tempoh insurans semasa, perlindungan insurans ini akan kekal berkuat kuasa untuk jumlah insurans penuh.

8. SUBROGASI

Syarikat berhak, atas perbelanjaannya sendiri, untuk mengambil tindakan terhadap mana-mana pihak atas nama Pemegang Polisi bagi mendapatkan pampasan bagi kerugian akibat pecah kaca yang ditanggung. Pemegang Polisi hendaklah memberikan segala bantuan yang munasabah sebagaimana yang dikehendaki oleh Syarikat.

9. SUMBANGAN

Sekiranya pada masa berlakunya pecah kaca atau kerosakan terdapat insurans lain yang diambil oleh atau bagi pihak Pemegang Polisi yang melindungi mana-mana kaca atau harta lain yang turut dilindungi oleh polisi ini, tanggungan Syarikat tidak akan melebihi bahagian yang sepadan dengan jumlah perlindungan insurans tersebut.

10. PEMBATALAN

Syarikat berhak untuk membatalkan polisi ini pada bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis selama empat belas (14) hari kepada Pemegang Polisi di alamat terakhir yang diketahui. Pembatalan akan berkuat kuasa selepas tamat tempoh notis tersebut. Dalam kes ini, Syarikat akan memulangkan sebahagian premium secara prorata bagi tempoh insurans yang belum tamat. Pemegang Polisi juga boleh membatalkan polisi ini pada bila-bila masa. Dalam kes ini, Pemegang Polisi berhak menerima pemulangan premium selepas ditolak kadar premium jangka pendek yang biasa digunakan oleh Syarikat berdasarkan tempoh polisi telah berkuat kuasa, tertakluk kepada premium minimum sebanyak RM50/-.

11. PENYELESAIAN PERTIKAIAN

Sekiranya berlaku sebarang pertikaian mengenai jumlah kerugian, pertikaian tersebut hendaklah dirujuk kepada keputusan seorang Penimbang Tara (Arbitrator) yang akan dilantik secara bertulis oleh pihak yang terlibat. Jika kedua-dua pihak gagal bersetuju dalam pemilihan seorang Penimbang Tara, maka pertikaian tersebut hendaklah dirujuk kepada dua Penimbang Tara yang berkecuali, di mana setiap pihak akan melantik seorang daripada mereka secara bertulis dalam tempoh dua (2) bulan dari tarikh permintaan bertulis oleh pihak yang satu lagi. Sekiranya mana-mana pihak enggan atau gagal melantik Penimbang Tara dalam tempoh dua (2) bulan selepas menerima notis bertulis, pihak yang satu lagi berhak untuk melantik seorang Penimbang Tara tunggal. Jika kedua-dua Penimbang Tara yang dilantik tidak dapat mencapai persetujuan, pertikaian akan dirujuk kepada Seorang Pengadil (Umpire) yang telah dilantik secara bertulis sebelum perbicaraan bermula. Pengadil ini akan turut serta dalam mesyuarat bersama Penimbang Tara dan akan mengetuai proses penyelesaian pertikaian. Kematian mana-mana pihak tidak akan membatalkan atau menjejaskan kuasa dan bidang kuasa Penimbang Tara atau Pengadil. Jika mana-mana Penimbang Tara atau Pengadil meninggal dunia, pihak yang melantiknya hendaklah melantik pengganti. Kos penyelesaian pertikaian akan ditentukan berdasarkan budi bicara Penimbang Tara atau Pengadil yang membuat keputusan akhir. Sebagai syarat utama sebelum sebarang tindakan undang-undang boleh diambil ke atas Polisi ini, keputusan yang ditetapkan oleh Penimbang Tara atau Pengadil mengenai jumlah kerugian (jika dipertikaikan) mestilah diperoleh terlebih dahulu. Jika Syarikat menolak tanggungan ke atas sebarang tuntutan di bawah polisi ini dan tuntutan tersebut tidak dirujuk kepada arbitrase dalam tempoh dua belas (12) bulan dari tarikh penolakan, tuntutan tersebut dianggap telah dilupuskan dan tidak lagi boleh dituntut di bawah polisi ini.

12. NILAI PASARAN

Dipersetujui bahawa sekiranya berlaku kerugian ke atas harta yang diinsuranskan di bawah polisi ini, had pampasan yang dibayar adalah sama ada nilai yang diinsuranskan atau nilai pasaran harta tersebut, mengikut mana yang lebih rendah, tertakluk kepada pemotongan lebihan (excess) dan amaun yang perlu ditanggung oleh Pemegang Polisi mengikut terma polisi..

Bagi tujuan syarat ini, nilai pasaran merujuk kepada nilai harta yang diinsuranskan pada waktu kejadian kerosakan atau kehilangan, setelah mengambil kira sebarang peningkatan nilai, susut nilai, dan/atau kehausan.

Sekiranya berlaku pertikaian mengenai nilai pasaran harta yang diinsuranskan, penilaian akan diperoleh oleh Syarikat daripada pengilang, ejen tunggal yang sah, ejen berdaftar, broker berdaftar, atau pengedar berdaftar yang menilai kos penggantian atau pemulihan harta yang rosak atau hilang sebagaimana keadaannya pada masa kejadian.

Jika tiada pengilang, ejen tunggal yang sah, ejen berdaftar, broker berdaftar, atau pengedar berdaftar bagi harta yang diinsuranskan pada masa kejadian, maka penilaian akan diperoleh daripada Pelaras Kerugian (Loss Adjuster) berlesen di bawah Akta Insurans 1996, yang akan dilantik secara bersama oleh kedua-dua pihak.

Penilaian yang dibuat oleh mana-mana pihak yang dinyatakan di atas akan dianggap sebagai bukti muktamad dalam mana-mana prosiding undang-undang terhadap Syarikat berkaitan dengan nilai pasaran harta yang diinsuranskan.

13. PENIPUAN

Sekiranya maklumat yang diberikan dalam cadangan insurans atau perisytiharan oleh Pemegang Polisi tidak benar dalam apa jua aspek, atau jika terdapat maklumat penting yang berkaitan dengan risiko yang tidak tepat atau sengaja tidak dinyatakan, atau jika polisi ini atau mana-mana pembaharuannya diperoleh melalui penipuan, penyembunyian maklumat, atau salah nyata, maka semua manfaat di bawah polisi ini akan terbatal serta-merta. Selain itu, jika mana-mana tuntutan di bawah polisi ini bersifat penipuan, atau jika sebarang taktik penipuan digunakan oleh Pemegang Polisi atau sesiapa yang bertindak bagi pihaknya untuk mendapatkan manfaat di bawah polisi ini, semua manfaat akan dilucutkan dan polisi ini tidak lagi sah.

KLAUSA/PENGENDORSAN

(Klausu/Pengendorsan berikut adalah terpakai bagi Polisi ini).

PWE JAMINAN PREMIUM

Ila adalah syarat khas yang asas dan mutlak dalam kontrak insurans ini bahawa premium yang perlu dibayar mesti diterima oleh Syarikat dalam tempoh enam puluh (60) hari dari tarikh mula Polisi/Pengendorsan/Sijil Pembaharuan.

Jika syarat ini tidak dipatuhi, maka kontrak ini akan terbatal secara automatik, dan Syarikat berhak menuntut premium secara pro-rata bagi tempoh perlindungan yang telah diberikan.

Sekiranya premium yang perlu dibayar mengikut jaminan ini diterima oleh ejen yang diberi kuasa oleh Syarikat, pembayaran tersebut akan dianggap telah diterima oleh Syarikat. Beban bukti untuk membuktikan bahawa premium telah diterima oleh individu yang tidak diberi kuasa, termasuk ejen insurans yang tidak sah, terletak kepada Syarikat.

Tertakluk kepada terma, pengecualian, dan syarat lain dalam Polisi ini.

Y2KE KLAUSA PENGENALAN TARIKH (TANPA KLAUSA PENYELAMATAN)

Polisi ini dengan ini dipinda seperti berikut: -

- A. Syarikat tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang kerugian atau kerosakan, termasuk kehilangan penggunaan harta benda sama ada dengan atau tanpa kerosakan fizikal, atau sebarang kerugian berbangkit, yang berlaku secara langsung atau tidak langsung akibat daripada kegagalan atau ketidakmampuan mana-mana peranti elektronik seperti Komputer, Peralatan pemprosesan data, media mikrochip, sistem operasi, mikropemproses (cip computer), litar besepadu atau peranti seumpamanya dan perisian komputer. Sama ada harta tersebut milik Pihak Yang Diinsuranskan atau tidak, dan sama ada kejadian ini berlaku sebelum, semasa, atau selepas tahun 2000, yang berpunca daripada kegagalan atau ketidakmampuan peranti atau perisian tersebut untuk: -
 1. Mengenali mana-mana tarikh dengan betul sebagai tarikh kalendar yang sebenar;
 2. Menangkap, menyimpan, mengekalkan, atau memproses data, maklumat, arahan, atau perintah dengan betul akibat daripada menganggap mana-mana tarikh sebagai tarikh yang tidak tepat, dan/atau
 3. Menangkap, menyimpan, mengekalkan, atau memproses data dengan betul akibat daripada operasi mana-mana arahan yang telah diprogramkan dalam perisian komputer yang menyebabkan kehilangan data atau ketidakmampuan untuk memproses data dengan betul selepas sesuatu tarikh tertentu.
- B. Syarikat juga tidak akan bertanggungjawab untuk kos pembaikan atau pengubahsuaian mana-mana sistem pemprosesan data elektronik atau mana-mana peranti dan/atau perisian yang dinyatakan dalam Bahagian A di atas.
- C. Syarikat juga tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang kerugian atau kerosakan, termasuk kehilangan penggunaan dengan atau tanpa kerosakan fizikal, atau sebarang kerugian berbangkit yang berlaku secara langsung atau tidak langsung akibat daripada nasihat, rundingan, reka bentuk, penilaian, pemeriksaan, pemasangan, penyelenggaraan, pembaikan, atau penyeliaan yang dilakukan oleh atau untuk Pihak Yang Diinsuranskan atau pihak lain dalam usaha menentukan, membetulkan, atau menguji sebarang kegagalan, kerosakan, atau kekurangan yang dinyatakan dalam Bahagian A di atas.
- D. Syarikat juga tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang kerugian berbangkit yang disebabkan oleh kegagalan berterusan komputer atau peralatan sebagaimana yang dinyatakan dalam Bahagian A, walaupun harta yang hilang atau rosak telah diganti atau dibaiki.

Sebarang kerugian atau kerosakan yang dinyatakan dalam Bahagian A, B, C, atau D di atas adalah dikecualikan sepenuhnya, tanpa mengira sebab lain yang turut menyumbang kepada kerugian tersebut, sama ada secara serentak atau dalam urutan kejadian yang berbeza.

Tertakluk kepada terma, pengecualian, dan syarat lain dalam Polisi ini.

ITH KLAUSA PENJELASAN BAHAYA TEKNOLOGI MAKLUMAT NMA 2912

Kerugian yang berlaku secara langsung atau tidak langsung akibat daripada:

- i) Kehilangan, perubahan, atau kerosakan kepada; atau
- ii) Pengurangan fungsi, ketersediaan, atau operasi sistem komputer, perkakasan, program, perisian, data, repositori maklumat, mikrocip, litar bersepadu, atau peranti serupa dalam peralatan komputer atau bukan komputer, sama ada harta tersebut milik Pihak Yang Diinsuranskan atau tidak, tidak akan dianggap sebagai satu kejadian yang dilindungi melainkan jika berpunca daripada satu atau lebih risiko berikut: iaitu kebakaran, kilat, letupan, impak pesawat atau kenderaan, kejatuhan objek, ribut kencang, hujan batu, puting beliung, siklon, taufan, gempa bumi, gunung berapi, tsunami, banjir, atau pembekuan serta beban berat salji.

NOTIS KEPADA PEMEGANG POLISI

Sila memeriksa Polisi insurans untuk memastikan ianya memenuhi keperluan Anda.

Untuk mengelakkan salah faham, adalah sangat penting Polisi, Jadual dan sebarang pengendorsan disertakan di sini dibaca bersama secara terperinci.

Sekiranya anda mempunyai sebarang aduan atau keraguan berkaitan dengan Polisi anda, sila hubungi ejen anda, sekiranya ada atau berhubung dengan pejabat yang mengeluarkannya. Kami memastikan aduan anda dilayani dengan segera.

Bagi tujuan dan maksud sekiranya terdapat konflik atau kekaburan berkenaan makna di dalam peruntukan Bahasa Malaysia tentang mana-mana bahagian Kontrak, adalah dipersetujui bahawa Kontrak versi Bahasa Inggeris akan digunakan.

Sebagai Penanggung Insurans yang bertanggungjawab, kami ingin membawa kepada perhatian anda bahawa anda boleh mengemukakan ketidakpuasan kepada Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan (FMOS), dahulunya dikenali sebagai Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (OFS) atau Biro Perkhidmatan Pelanggan (CSB) Bank Negara seperti yang ditunjukkan di bawah.

BAGAIMANA MEMBUAT ADUAN?

Jika **Anda** tidak berpuas hati dengan mana-mana aspek perkhidmatan **Kami**, **Kami** ingin mendengar daripada **Anda**. **Anda** boleh membuat aduan dalam bentuk apa jua yang paling selesa dengan **Anda** samada melalui panggilan telefon kepada operator **Kami** atau, secara bertulis, fax atau e-mel aduan **Anda** kepada:

Unit Pengendalian Aduan

Level 1, Tower Three, RHB Centre, Jalan Tun Razak,
50400 Kuala Lumpur

Tel: 1300 22 0007/ Fax: 603-21637277

E-mail: rhbi.general@rhbgroup.com WhatsApp: 012-603 1978

Kami akan berusaha untuk bertindak balas kepada aduan **Anda** dalam masa empat belas (14) hari. Jika **Kami** tidak dapat menyelesaikan perkara tersebut dalam tempoh masa yang ditetapkan seandainya rumit, **Anda** akan diberitahu tentang perkembangan yang telah dibuat tentang aduan **Anda** tersebut.

Anda boleh membantu **Kami** untuk memberi tindak balas secepat mungkin dengan memberi **Kami** maklumat-maklumat berikut:

1. Nama, alamat dan nombor **Anda** untuk dihubungi
2. No Nota Perlindungan / No. Polisi / No. Tuntutan

Sekiranya setelah mengambil langkah-langkah di atas dan **Anda** masih tidak berpuas hati, **Anda** boleh menulis ke:

Unit Pengurusan Aduan

Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan (FMOS)
(Dahulu dikenali sebagai Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (OFS))
Tingkat 14, Blok Utama
Menara Takaful Malaysia
No. 4, Jalan Sultan Sulaiman
50000 Kuala Lumpur
Tel: 03-2272 2811
Laman Web: www.fmos.org.my

Jika Pengantara membuat keputusan yang tidak menyebelahi **Kami**, **Anda** diminta untuk memberitahu Pengantara mengenai keputusan **Anda** untuk menerima atau menolak keputusan tersebut dalam tempoh empat belas (14) hari.

Jika **Anda** tidak menerima keputusan tersebut, **Anda** boleh menolak keputusan Pengantara. **Anda** bebas untuk mengambil tindakan mahkamah ke atas **Kami** atau merujuk kepada Timbangtara.

Sebagai pilihan, **Anda** boleh menghantar ketidakpuasan hati **Anda** terhadap tindakan **Kami** secara bertulis kepada Bank Negara Malaysia dengan memberi secara terperinci maklumat aduan **Anda** dan informasi **Polisi Anda** kepada:

BNMTELELINK

Jabatan Komunikasi Korporat
Bank Negara Malaysia
Peti Surat 10922
50929 Kuala Lumpur
Tel: 1300-88-5465 (LINK)
Faks: 03-2174 1515
E-mel: bnmtelelink@bnm.gov.my

IBU PEJABAT	KAUNTER KHIDMAT PELANGGAN
Level 12, West Wing, The Icon, No.1, Jalan 1/68F, Jalan Tun Razak, 55000 Kuala Lumpur Tel : 03-2180 3000 Faks : 03-9281 2729 Laman Web: insurance.rhbgroup.com	Level 1, Tower Three, RHB Centre, Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur Tel : 1300-220-007 Faks : 03-2163 7277 WhatsApp: 012-6031978 E-mel: rhbi.general@rhbgroup.com